

Penguasaan Kosa Kata dalam Komunikasi Bahasa Asing

Nurmasturah Jamil^{1*}, Noor Asliza Abdul Rahim¹ dan Shuhairimi Abdullah¹

¹Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kosa kata bahasa asing dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Selain itu, objektif kajian ini juga untuk mengetahui masalah pembelajaran bahasa asing yang dihadapi oleh pelajar serta melihat pandangan guru terhadap masalah penggunaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa asing. Seramai 12 orang guru yang mengajar subjek bahasa asing, iaitu subjek al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (Bahasa Arab) di beberapa buah sekolah menengah agama dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik. Data dianalisis berasaskan deskriptif asas dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan sahaja. Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar pelajar yang mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa asing menghadapi masalah menguasai kosa kata dalam Bahasa Arab dan ini secara tidak langsung mengganggu proses komunikasi lisan dan tulisan mereka. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap kaedah pengajaran bahasa dan komunikasi dalam usaha meningkatkan elemen kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

Kata Kunci: Bahasa Arab, Bahasa Asing, Komunikasi, Kosa Kata, Leksikal.

Vocabulary Mastery in Foreign Language Communication

ABSTRACT

This study aims to explore vocabulary proficiency among foreign language students in secondary schools in Malaysia. The objective of this study is to identify the problems in learning foreign language faced by students and to investigate the teachers' views on the problem of vocabulary usage in foreign language learning. A total of 12 teachers who taught foreign language subjects, which is al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (Arabic Language) in several religious secondary schools were selected as the sample. The research instrument used is a questionnaire. Descriptive analysis is used to gather data and were analysed based on percentage and frequency only. Interestingly, the result showed that most of the students who learn Arabic as a foreign language have problems in using vocabulary in Arabic and will disrupt the process of oral and written communication indirectly. The findings of this study indirectly have implications for language teaching and communication methods in an effort to improve the soft skills element among students.

Keywords: Arabic Language, Foreign Language, Communication, Vocabulary, Lexical.

1. PENGENALAN

Komunikasi merupakan wadah perhubungan dan penyampaian maklumat sesama manusia. Komunikasi pada hari ini bukan sahaja secara bersemuka, malah turut dijalankan secara maya dengan menggunakan teknologi tanpa mengira sempadan tempat dan masa. Komunikasi ialah

*Koresponden: nurmasturahjamil@gmail.com

usaha atau percubaan untuk mencari kesamaan makna dalam menyampaikan maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain (Hazlina *et al.*, 2015). Secara tidak langsung, komunikasi merupakan proses pemindahan maklumat yang melibatkan dua pihak, iaitu penyampai dan penerima mesej. Proses komunikasi memerlukan penguasaan bahasa bukan sahaja untuk meluahkan perasaan, emosi dan kemahuan, tetapi juga untuk merapatkan hubungan sesama manusia (Abdul Halim, 2011).

Bagi memastikan kelangsungan proses komunikasi, penggunaan bahasa yang dapat difahami oleh kedua-dua pihak sangat penting untuk memastikan maklumat disampaikan dengan baik dan berkesan. Menurut Awang Sariyan (2007:6-7), peranan bahasa sebagai wahana atau saluran akal yang mempunyai dua fungsi, iaitu mengemukakan idea, fikiran dan perasaan untuk disampaikan kepada pihak lain dan menerima dan mentafsir idea, fikiran atau perasaan daripada pihak lain sehingga dapat difahami dan memberikan gerak balas atau respons jika diperlukan. Selain berperanan sebagai medium komunikasi, bahasa juga merupakan alat pengembangan ilmu, alat pendidikan dan pemasyarakatan serta tali pengikat persefahaman dan perpaduan. Malah penggunaan bahasa tidak terhad dalam bentuk lisan sahaja, tetapi turut diterjemahkan dalam bentuk tulisan dan bukan lisan seperti isyarat tangan dan gerak geri badan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tanpa kewujudan bahasa dalam komunikasi, penyampaian mesej tidak akan berjaya. Sehubungan dengan itu, penguasaan bahasa yang baik selain bahasa ibunda amat diperlukan bagi memastikan komunikasi berjalan lancar dan berkesan.

Penguasaan bahasa yang baik merangkumi empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Gabungan keempat-empat kemahiran ini bukan sahaja dapat membantu dalam perhubungan sosial antara masyarakat, malah membantu dalam proses pembelajaran bahasa seseorang pelajar. Hal ini demikian kerana pembelajaran bahasa yang berkesan memerlukan pelajar menguasai aspek kosa kata dengan baik. Penggunaan kosa kata yang tepat dan betul merupakan antara elemen yang penting dalam penyampaian mesej dalam semua kemahiran berbahasa (Wan Abdul Hayyi Wan Omar *et al.*, 2014). Malah, Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said dan Rosni Samah (2020) menyatakan bahawa dalam mempelajari apa jua bahasa sama ada bahasa ibunda atau bahasa asing, seorang penutur perlu menguasai kosa kata yang menjadi nadi kepada sesebuah bahasa. Malah Alharthi (2020) menyatakan bahawa jika penutur kurang menguasai aspek kosa kata akan menyebabkan penerima mesej tidak mendapat apa-apa maklumat dari mesej tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengganggu proses komunikasi sama ada secara lisan atau bertulis. Tambahan pula dalam konteks globalisasi, penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar merupakan nilai tambah dalam pembangunan kerjaya mereka kelak (Ahmad, 2018).

Tambahan pula objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 hingga 2025) adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh hal yang demikian, pelajar perlu digalakkan untuk menguasai kemahiran dwibahasa yang akan menjadi nilai tambah terhadap perkembangan diri dan negara. Kelebihan menguasai kemahiran dwibahasa bukan sahaja dapat memotivasikan pelajar untuk menguasai kebolehan berkomunikasi dengan baik (Abdullah *et al.*, 2015), malah dapat memberi kelebihan kepada pelajar dari segi kemahiran kognitif, kreativiti, penyelesaian masalah dan jaringan sosial (Stein-Smith, 2017).

1.1 PENYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan dan menunjukkan masalah yang berpanjangan (Noor Anida *et al.*, 2014; Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016; Ku Fatahiyah Ku Azizan *et al.*, 2019). Malah, isu permasalahan pembelajaran bahasa asing sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan penyelidik dan pelbagai cadangan telah diutarakan bagi meningkatkan mutu penguasaan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Antara punca kelemahan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar yang dikenal pasti, adalah kekurangan penguasaan kosa kata (Abdul Rahman Abdullah, 2009), kekurangan penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Rosni Samah, 2014), kebimbangan penggunaan bahasa asing dalam komunikasi (Abdullah Hamzah *et al.*, 2017) dan masalah kompetensi guru (Abdul Razif bin Zaini *et al.*, 2017). Kajian terdahulu menunjukkan masalah penguasaan bahasa membataskan pelajar untuk menguasai bahasa asing yang dipelajari dengan baik. Masalah penguasaan kosa kata ini terjadi apabila pengetahuan linguistik terhad dan hanya terbatas pada kosa kata yang umum dan tidak meliputi banyak bidang dilihat sebagai masalah yang ketara dihadapi oleh pelajar ketika berkomunikasi dalam bahasa asing (Hazlina *et al.*, 2015; Zumrah *et al.*, 2020; Wan Abdul Hayyi Wan Omar *et al.*, 2014). Selain itu, pelajar juga didapati tidak mempunyai peluang untuk mempraktikkan kosa kata yang telah dipelajari di dalam kelas (Muhammad Alif Redzuan Abdullah, 2017). Hal ini demikian kerana penggunaan dan pemilihan kosa kata memainkan peranan yang penting dalam sesebuah komunikasi. Malah, faktor kekurangan kosa kata menjadi punca seseorang menghentikan ujaran dan meninggalkan ujaran tersebut begitu sahaja (Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016). Selain itu, masalah kekurangan kosa kata juga memberi kesan negatif terhadap motivasi pelajar dan boleh menyebabkan keresahan dalam komunikasi (Abdullah Hamzah *et al.*, 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan dalam penggunaan kosa kata bahasa asing.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan kepada dua objektif:

- i. Menenal pasti masalah pembelajaran bahasa asing yang dihadapi oleh pelajar.
- ii. Membincangkan masalah penguasaan kosa kata bahasa asing dalam kalangan pelajar.

2. KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran bahasa asing semakin mendapat perhatian di Malaysia dan mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari dan berusaha menguasainya dengan baik. Ini dapat dilihat dalam pelaksanaan pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa asing yang lain di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan di institusi pengajian tinggi. Malah, pembelajaran bahasa asing tidak terhad kepada pelajar sahaja, tetapi turut mendapat perhatian masyarakat di Malaysia untuk mempelajarinya secara tidak formal, khususnya dalam bahasa Arab bagi tujuan ibadah dan mendalami ilmu agama (Abdul Rahman Abdullah, 2009).

Kosa kata merupakan komponen utama dalam pembinaan frasa ayat dan pemahaman idea. Sesebuah mesej tidak dapat disampaikan dengan baik tanpa penggunaan kosa kata. Ini dibuktikan oleh dapatan kajian Abdul Rahman Abdullah (2009) yang mendapati 43.2% pelajar bersetuju bahawa masalah pengetahuan kosa kata yang terhad akan menyukarkan proses komunikasi, manakala 41.3% pelajar pula bersetuju bahawa kosa kata merupakan halangan yang menyebabkan berlaku gangguan komunikasi dalam bahasa Arab. Akibat dari masalah tersebut, pelajar didapati menghadapi kekangan untuk mengutarakan pendapat tentang isu-isu semasa,

sebaliknya mampu untuk memberi penerangan tentang diri, keluarga dan masyarakat secara ringkas.

Masalah penggunaan dan pemilihan kosa kata ini bukan sahaja dihadapi oleh penutur bukan jati, malah penutur jati sesuatu bahasa juga tidak terlepas dari masalah ini dalam komunikasi mereka. Ini kerana tidak ada seorang pun yang dapat menguasai semua kosa kata dalam sesebuah bahasa ibunda atau bahasa asing (Tarone, 1981). Apabila seseorang menghadapi masalah kekurangan kosa kata, mereka mempunyai pilihan untuk menghentikan komunikasi yang sedang berlangsung atau tetap meneruskan komunikasi dengan menggunakan alternatif lain yang dapat membantu mereka menyampaikan mesej. Sebaliknya, menurut Abdul Rahman Abdullah (2009) pelajar yang mempunyai kompetensi aras tinggi mereka didapati berusaha bersungguh-sungguh meneruskan proses komunikasi dengan mencari kosa kata yang hampir sama dengan maksud yang ingin disampaikan. Walaupun menghadapi kekangan dalam penggunaan kosa kata, sebilangan pelajar tetap bermotivasi untuk meneruskan komunikasi (Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016).

Dalam hal ini, Alharti (2020) menjelaskan terdapat tiga jenis masalah penguasaan kompetensi kosa kata ketika proses komunikasi berlangsung, iaitu;

- i) Masalah kompetensi 'tiada perkataan' (*'no word' competence-based problem*) dan masalah pelaksanaan 'tiada perkataan' (*'no word' performance-based problem*).
- ii) Masalah kompetensi 'satu perkataan' (*'one word' competence problems*).
- iii) Masalah kepelbagaian perkataan (*'multi-word' problem*).

Masalah kompetensi 'tiada perkataan' terjadi apabila pelajar tidak dapat menyampaikan sesuatu mesej disebabkan tidak mempelajari kosa kata tersebut atau telah mempelajarinya akan tetapi terlupa dan menyebabkan kosa kata itu hilang dari minda pelajar. Masalah 'tiada perkataan' pula terjadi apabila pelajar telah mempelajari beberapa kosa kata dalam sesebuah bahasa, tetapi tidak menggunakannya dan menyebabkan kosa kata tersebut hanya tersimpan dalam minda jangka panjang. Manakala, masalah kompetensi 'satu perkataan' terjadi apabila pelajar tidak dapat mengesahkan ejaan sesebuah perkataan yang dipelajari atau mempunyai kurang pengetahuan tentang maksud sesebuah perkataan secara keseluruhan. Masalah kepelbagaian perkataan pula mungkin terjadi apabila pelajar mempunyai sebilangan jumlah kosa kata dalam minda, tetapi keliru untuk memilih kosa kata yang paling sesuai digunakan kerana kekurangan tahap penguasaan yang baik terhadap perkataan tersebut.

Masalah penggunaan kosa kata tidak hanya terjadi dalam komunikasi lisan, tetapi turut terjadi dalam komunikasi bertulis. Malah Alharti (2020), turut menyenaraikan dua jenis masalah kosa kata dalam penulisan, iaitu kesalahan ejaan dan kesalahan maksud perkataan. Kesalahan ejaan terjadi apabila pelajar menyedari akan kesalahan tersebut setelah selesai menulis sesuatu perkataan, manakala kesalahan maksud perkataan berlaku apabila pelajar menggunakan perkataan yang mempunyai maksud yang tidak pasti atau maksud yang tidak wujud dalam minda pengetahuan pelajar.

Sabri Thabit Saleh Ahmed dan Sunil V. Pawar (2018) yang menjalankan kajian terhadap pelajar yang mempelajari Bahasa Inggeris di Radfan College pula mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah untuk meneruskan komunikasi disebabkan oleh kekurangan pengetahuan linguistik dalam bahasa asing. Sebahagian besar pelajar yang mempunyai kompetensi berbahasa yang rendah cenderung untuk mendiamkan diri ketika aktiviti pembelajaran berlangsung. Apabila mereka menghadapi masalah linguistik, mereka akan meninggalkan ujaran atau menukar proses penyampaian mesej dengan menggunakan bahasa ibunda. Kesukaran dalam penggunaan kosa kata bahasa asing menyebabkan pelajar menggunakan bahasa ibunda sebagai alternatif untuk menyampaikan mesej.

Begitu juga dengan kajian tentang penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan guru pelatih berbangsa Melayu yang mempelajari subjek Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam oleh Abdullah Hamzah *et al.*, (2017) yang mendapati bahawa kebimbangan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab adalah disebabkan oleh keresahan komunikasi, tanggapan penilaian negatif, serta kebimbangan ujian. Kebimbangan ini boleh berpunca dari dalam diri, bentuk aktiviti bertutur yang dijalankan serta tingkah laku yang ditunjukkan oleh rakan-rakan dan juga pensyarah.

Begitu juga dengan kajian Mohd Helmi Pangat dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2016) terhadap pelajar berbangsa Cina yang mempelajari Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C)) yang mendapati bahawa pelajar tidak bertutur dalam bahasa Melayu di rumah dan pembelajaran hanya terhad di sekolah. Oleh sebab itu, pelajar didapati kerap membuat kesalahan bahasa dalam tatabahasa bahasa Melayu. Atas permasalahan itu, integrasi sosial antara kaum di Malaysia dilihat penting bagi membentuk akses kosa kata dalam bahasa kedua sekali gus membantu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka.

Selain pengetahuan linguistik dan kosa kata yang terhad, gangguan bahasa ibunda turut menjadi penyumbang kepada masalah komunikasi dalam bahasa asing (Lightbown, 1986; Selinker, 1972). Oleh itu, pelajar cenderung untuk menggunakan teknik terjemahan leksikal bagi memastikan kelangsungan proses komunikasi. Ini akan menyebabkan pelajar terpengaruh dengan unsur-unsur terjemahan bahasa ibunda dan gagal memilih partikel leksikal yang betul dan tepat dalam sesebuah perbualan atau penulisan (Noor Anida *et al.*, 2014). Begitu juga dalam bahasa Arab, sesetengah kata kerja hanya dapat diketahui makna yang tepat apabila digunakan bersama partikel yang sesuai dalam sesebuah ayat

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik terhadap 12 orang guru yang mengajar subjek *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) di beberapa buah Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Responden terdiri daripada 4 orang guru lelaki dan 8 orang guru perempuan. Set soalan kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A berkaitan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, tingkatan yang diajar, lokasi negeri dan lokasi daerah sekolah. Manakala pada bahagian B tentang penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan bahagian C pula melihat aspek penguasaan kosa kata pelajar semasa berkomunikasi. Dapatan soal selidik ini secara umumnya dapat memberi maklumat tentang tahap dan masalah penguasaan leksikal dalam pembelajaran bahasa pelajar dari sudut pandangan guru. Dapatan data dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


4.1 Demografi Responden

Secara keseluruhan proses penganalisan data dilakukan hanya terhad kepada analisis deskriptif asas dengan melihat kepada indeks bilangan dan peratusan sahaja. Hasil kajian dilakukan terhadap 12 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa asing, iaitu *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* di beberapa buah sekolah menengah agama di Malaysia dan melibatkan bilangan 8 orang (66.7%) guru wanita dan 4 orang (33.3%) guru lelaki. Majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak 58.3% (7 orang). Manakala 16.7% (2 orang) responden berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, juga sebanyak 16.7% (2 orang) responden berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun, dan 8.3% (1 orang) responden berumur 51 tahun ke atas. Daripada jumlah responden tersebut, 50% (6 orang) daripada mereka

mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun, manakala 33.3% (4 orang) mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 6 tahun. Masing-masing 8.3% (seorang) daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun dan 8.3% (seorang) mempunyai pengalaman 21 tahun ke atas. Sebahagian besar responden, iaitu 50% (6 orang) daripada mereka terdiri daripada guru yang mengajar subjek *al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah* bagi Tingkatan 4 dan 5. Manakala 25% (3 orang) daripada mereka hanya mengajar di Tingkatan 4 sahaja dan 25% (3 orang) di Tingkatan 5 sahaja. Bagi lokasi sekolah, 41.7% (5 orang) daripada responden mengajar di negeri Kedah, 16.7% (2 orang) dari Perak, masing-masing 8.3% (1 orang) dari Johor, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis. Bagi lokasi sekolah bandar dan luar bandar, kedua-duanya mencatatkan peratusan yang sama, iaitu 50% (6 orang).

4.2 Masalah Pembelajaran Bahasa Asing

Bagi mencapai objektif pertama kajian, iaitu untuk mengetahui masalah dalam pembelajaran bahasa asing khususnya dalam Bahasa Arab, pengumpulan data yang dijalankan melibatkan pemerhatian guru terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar dalam aktiviti komunikasi lisan dan penulisan di dalam kelas. Untuk tujuan memudahkan bacaan, hasil analisis akan dilaporkan dalam bentuk carta pai dan huraian berdasarkan item yang dikaji seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1. Jenis-jenis Masalah Pembelajaran Bahasa Asing.

Berdasarkan dapatan bagi item soalan yang berkisar tentang masalah pembelajaran bahasa asing, sebanyak 50% daripada responden (6 orang) bersetuju bahawa kekurangan kosa kata merupakan salah satu masalah utama dalam pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar. Selain itu, 25% daripada responden (3 orang) bersetuju bagi item kurang mahir dalam tatabahasa seperti penggunaan *i'rab*, pemilihan huruf *jar*, penentuan jenis *fi'il* yang betul, penyesuaian *'adad* dengan *ma'dud*. Hal ini turut disokong oleh Abdul Rahman Abdullah (2009) yang menyatakan bahawa pelajar berbangsa Melayu menghadapi masalah kekurangan kosa kata Bahasa Arab ketika menjalankan aktiviti komunikasi lisan. Selain itu, Hazlina *et al.*, (2015) juga turut berpendapat bahawa pelajar Perancis yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa asing turut menghadapi masalah dalam mencari kosa kata yang tepat dalam penulisan. Mohd Helmi Pangat dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2016) juga mendapati bahawa masalah kosa kata menyebabkan pelajar sering kali melakukan kesalahan berbahasa dalam komunikasi.

Manakala item-item seperti kurang pembacaan, penggunaan teknik hafalan, dan penggunaan kosa kata yang tidak sesuai menunjukkan nilai peratusan yang sama, iaitu sebanyak 8%. Walaupun hanya 8% untuk kesemua item tersebut, tetapi masalah ini tetap memberi impak yang besar kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa mereka khususnya dalam aspek penulisan. Dapatan peratusan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa kekurangan kosa kata merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini disebabkan majoriti daripada responden mempunyai pengalaman mengajar yang melebihi 6 tahun dan dikira mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab. Pengalaman yang luas dalam hal ini secara tidak langsung membantu mereka mengenal pasti masalah yang pelajar hadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar mereka.

4.3 Masalah Penguasaan Kosa Kata

Bagi mencapai objektif kedua kajian, iaitu membincangkan masalah penguasaan kosa kata yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing, khususnya dalam Bahasa Arab, hasil analisis dilaporkan dalam bentuk carta pai dan huraian berdasarkan item yang dikaji seperti dalam Rajah 2:



Rajah 2. Peratusan Masalah Penggunaan Kosa Kata.

Analisis menunjukkan hanya seorang responden sahaja (8%) yang mengatakan bahawa hanya sebilangan kecil pelajar mereka yang tidak dapat menguasai kosa kata dengan tepat ketika melakukan aktiviti komunikasi di dalam kelas. Ini dapat dilihat pada item 10% daripada pelajar dalam kelas mereka yang tidak dapat menguasai pemilihan kosa kata dengan tepat dan selebihnya dapat menguasai dengan baik. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah menguasai bahasa Arab kerana subjek bahasa Arab ini telah diambil oleh mereka sejak tingkatan satu lagi. Jangka masa yang panjang dalam mempelajari bahasa asing ini membantu mereka menambahkan bilangan kosa kata dalam minda mereka.

Sebaliknya dua orang responden (17%) bersetuju bahawa 75% daripada pelajar di dalam kelas mereka tidak dapat menggunakan kosa kata dengan tepat semasa berkomunikasi sama ada secara lisan atau tulisan disebabkan oleh kurang pembacaan, kurang pengetahuan tentang penggunaan sesuatu perkataan, terlupa perkataan yang dipelajari, menghafal tanpa memahami maksud perkataan dan menggunakan terjemahan bahasa ibunda. Dapatan ini memberi gambaran

bahawa sebahagian besar dari pelajar tidak dapat menguasai pemilihan kosa kata bahasa asing dengan tepat dalam aktiviti komunikasi yang dijalankan. Ini dapat dilihat pada jumlah peratusan pelajar yang menghadapi masalah dalam penguasaan kosa kata adalah lebih tinggi daripada jumlah peratusan pelajar yang dapat menguasainya, iaitu jumlah 67% bagi peratusan 50% dan 75% bagi pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran tersebut berbanding hanya jumlah 33% bagi anggaran peratusan kecil, iaitu 10% dan 25%. Ini memberi gambaran kepada penyelidik bahawa masalah penguasaan kosa kata menjadi antara punca utama pelajar gagal menguasai komunikasi bahasa asing dengan baik, khususnya dalam Bahasa Arab. Pendapat ini turut disokong oleh dapatan kajian daripada Zumrah *et al.*, (2020) serta Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina Abdul Wahid (2016).

Secara umumnya, dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor responden yang mengajar di lokasi sekolah luar bandar dan kurang mendapat akses kemudahan pembelajaran bahasa asing yang baik. Keseluruhan dapatan ini juga memberi maklumat bahawa sejumlah besar daripada pelajar menghadapi masalah penguasaan kosa kata yang tepat dalam pembelajaran bahasa asing berbanding peratusan pelajar yang dapat menguasainya dengan baik.

5. KESIMPULAN

Penguasaan bahasa yang baik bermakna pelajar perlu menguasai empat kemahiran berbahasa dengan baik sama ada secara lisan mahupun bertulis. Masalah kekurangan kosa kata boleh menyebabkan aktiviti komunikasi terhenti. Keadaan ini mungkin terjadi kepada pelajar yang mempunyai idea dan ingin memulakan komunikasi lisan, tetapi terhenti proses penyampaian maklumat tersebut disebabkan oleh masalah linguistik yang terbatas, terutamanya dari segi morfologi (*sorof*) dan sintaksis (*nahu*). Ilmu morfologi dalam Bahasa Arab berkaitan dengan pembinaan sesebuah perkataan, manakala ilmu sintaksis membincangkan tentang tatabahasa dan perbincangan mengenai ayat (Mohamad Rofian Ismail *et al.*, 2015). Secara khususnya, melalui kajian ini juga dapat diandaikan bahawa pelajar menghadapi masalah kekurangan linguistik apabila terlampau menekankan aspek pembinaan jenis perkataan dan penggunaan tatabahasa yang betul sehingga tidak dapat menggunakan kosa kata gantian atau sinonim dan akan menyebabkan proses komunikasi terhenti. Hal ini juga turut disokong oleh dapatan kajian Rofian Ismail *et al.*, (2018), yang menunjukkan nilai skor min yang tinggi bagi dapatan salah satu item kajiannya, iaitu 'pelajar memberi perhatian kepada aspek tatabahasa, iaitu nahu dan *sorof* dalam komunikasi tulisan'. Hal ini kerana menurut Wan Abdul Hayyi Wan Omar *et al.* (2014), bagi memastikan proses komunikasi berjalan dengan lancar dan berkesan, penutur perlu menguasai kosa kata yang pelbagai bagi memastikan sesebuah proses komunikasi dapat diteruskan dengan baik. Dalam hal ini, terdapat pelbagai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti yang dicadangkan oleh para penyelidik bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar, antaranya:

- i. Tidak mengehadkan pembelajaran bahasa dan pelaksanaan aktiviti komunikasi menggunakan bahasa asing hanya di dalam kelas, malah turut dijalankan di luar kelas. Wan Abdul Hayyi Wan Omar *et al.*, (2014) berpendapat pelaksanaan aktiviti luar kelas seperti kem bahasa (*jawlah lughawiyah*) mampu membantu pelajar mempelajari kosa kata baru, sekali gus dapat meningkatkan penguasaan dalam kemahiran menulis karangan.
- ii. Berkomunikasi dengan penutur jati atau penutur bukan jati yang mahir dalam sesebuah bahasa. Ini kerana penguasaan bahasa asing dapat ditingkatkan melalui pergaulan dengan penutur yang fasih dalam bahasa tersebut (Abid & Gorontalo, 2019).
- iii. Mempraktikkan dan memperbanyakkan latihan penggunaan bahasa bagi meningkatkan penguasaan dalam komunikasi, sama ada secara lisan atau tulisan. Coxhead (2012) menjelaskan bahawa latihan yang mencukupi dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dalam penulisan bahasa asing.

- iv. Mempelajari dan mengaplikasikan teknik-teknik pembelajaran bahasa asing yang berkesan. Rosni Samah (2014) menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran yang dijalankan menggunakan strategi tiru (*imitation strategies*) berdasarkan pendekatan Ibnu Khaldun yang menekankan tiga proses, iaitu mengumpul kosa kata dan ayat, meningkatkan penguasaan kosa kata dan ayat, dan mengaplikasikan kosa kata dan ayat dapat membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa asing.
- v. Menggunakan kaedah terjemahan yang dapat membantu pelajar mempelajari kosa kata baru. Walaupun penggunaan kaedah terjemahan sering menjadi isu perdebatan dalam proses pembelajaran bahasa, terdapat juga penyelidik yang bersetuju bahawa kaedah ini dapat membantu penguasaan kosa kata dalam bahasa asing (Mutlu *et al.*, 2015; Ying *et al.*, 2018)
- vi. Menggunakan strategi komunikasi sebagai alternatif apabila menghadapi masalah semasa menyampaikan maklumat. Ini kerana penggunaan strategi komunikasi didapati dapat membantu pelajar untuk memastikan kelangsungan proses komunikasi (Sabri Thabit Saleh Ahmed & Sunil V. Pawar, 2018).
- vii. Memperkaya kosa kata dengan memilih bahan bacaan yang relevan bagi meningkatkan pengetahuan tentang sesuatu bidang. Pembacaan yang berkualiti akan memberi idea dan input kosa kata kepada pelajar untuk digunakan dalam menyusun organisasi sesebuah penulisan. Selain pemilihan bahan bacaan yang baik, input kosa kata dan latihan bersepadu juga dapat membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan dalam penggunaan kosa kata dan struktur tatabahasa (Tengku Mahadi *et al.*, 2018).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. (2009). Kompetensi Komunikatif Dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama Di Negeri Selangor. In *Tesis Doktor Falsafah*.
- Abdul Razif bin Zaini, M. R. G. M. R. I., Hamdan, N. Z. H., & Azizan, M. R. H. (2017). Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK)*. 26-27 April 2017. Pusat Konvensyen KUIS.
- Abdullah, A., Sulaiman, A., & Wan Abdullah, W. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*.
- Abid, A., & Gorontalo, U. N. (2019). *Communication strategies and l2 oral literacy*. August.
- Awang Sariyan. (2007). Santun berbahasa. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Coxhead, A. (2012). Academic vocabulary, writing and english for Academic purposes: Perspectives from second language learners. In *RELC Journal*. <https://doi.org/10.1177/0033688212439323>
- Hamzah, Abdullah. Mustapha, Nik Farhan. Pauzi, Che Radiah Mezah. Wan Sulong, W. M. (2017). Mengapa Guru Pelatih Bimbang Untuk Bertutur Dalam Kelas Bahasa Arab? *Jurnal Kemanusiaan*.
- Hazlina, A. H., Roslina, M., & Normaliza, A. R. (2015). Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Perancis (Written Malay Language Communication Strategies among French Students). *Jurnal Bahasa*.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Farah Nur-Rashida Rosnan, W. I. (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *E-Bangi*.
- Lightbown, P. M. (1986). Learner language and language learning. Faerch, Claus, Haastrup, Kirsten and Phillipson, Robert. Clevedon, UK: Multilingual Matters and Copenhagen: Gyldendals Sprogbiotek, 1984, 320 pp., £8.90. In *System*. [https://doi.org/10.1016/0346-251X\(86\)90033-3](https://doi.org/10.1016/0346-251X(86)90033-3)
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakob Hasan, Md Noor Hussin, & Noorshamsinar Zakaria. (2015). Analisis kesalahan sintaksis buku teks bahasa Arab peringkat tinggi di Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, ICASIS*.

- Mohd Helmi Pangat, & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Strategi komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C)). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*.
- Muhammad Alif Redzuan Abdullah, S. H. (2017). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Jepun Pelajar Melayu di Sebuah Universiti Awam. *Jurnal Kemansusiaan*.
- Mutlu, G., Bayram, D., & Demirbuken, B. (2015). Translation as a learning strategy of turkish EFL learners. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*.
- Noor Anida, A., Norhayati, C. H., & Nurazan, M. R. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulisa Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UNISZA. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Rofian Ismail, M., Redzaudin Ghazali, A., Akmar Bin Abdul Latif, K., Pengajian Bahasa, J., & Arab Fakulti Pengajian Peradaban Islam, L. (2018). *Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab*. April, 330–345.
- Rosni Samah. (2014). Suggested strategies for non Arabic speakers in learning Arabic language. *Pensee Journal*.
- Sabri Thabit Saleh Ahmed & Sunil V. Pawar. (2018). A Study of Communication Strategies Employed by Radfan College EFL Students in their Classroom Interactions. In *New Academia: An International Journal of English Language, Literature and Literary Theory*. https://doi.org/https://www.researchgate.net/publication/326534502_A_Study_of_Communication_Strategies_Employed_by_Radfan_College_EFL_Students_in_their_Classroom_Interactions
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL - International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*. <https://doi.org/10.1515/iral.1972.10.1-4.209>
- Stein-Smith, K. (2017). The Multilingual Advantage: Foreign Language as a Social Skill in a Globalized World. *International Journal of Humanities and Social Science*.
- Tarone, E. (1981). Some Thoughts on the Notion of Communication Strategy. *TESOL Quarterly*. <https://doi.org/10.2307/3586754>
- Tengku Mahadi, T. S., Md Husain, F., Jaganathan, P., Hassan, A., Syed Fesal, S. N. H., & Mohamad, A. (2018). Developing narrative writing skills via a reading programme for low english language proficiency undergraduates. *GEMA Online Journal of Language Studies*. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-01>
- Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya, & Zulazhan Ab. Halim. (2014). Penguasaan Kosa Kata Arab Menerusi Aktiviti “Jawlah Lughawiyyah.” *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Ying, B. T., Hoon, A. L., Halim, H. A., & Majtanova, M. (2018). Students’ beliefs on translation strategy in learning German language. *GEMA Online Journal of Language Studies*. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-05>
- Zumrah, A., Mat Shaid@Md. Said, N., & Samah, R. (2020). Arabic Vocabulary Mastery of Politics and Economic among First Year Student in Public University/ Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*. <https://doi.org/10.11113/sh.v12n2.1664>